



PENYELIDIKAN
DAN
INOVASI

**PENAWARAN SKIM
FELO PASCA
DOKTORAL (FPD)
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
(Warganegara / Bukan Warganegara)**

www.research.usm.my

Keutamaan kepada calon warganegara Malaysia

PENAWARAN SKIM FELO PASCA DOKTORAL (FPD) UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

(Warganegara / Bukan Warganegara)

***Keutamaan kepada calon Warganegara Malaysia**

A. KRITERIA CALON

1. Mempunyai kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh tamat pengajian Doktor Falsafah semasa permohonan dikemukakan.
2. Mempunyai merit akademik dan output penyelidikan yang baik dalam tiga (3) tahun terkini.
 - a. Sekurang-kurangnya **tiga (3)** penerbitan sebagai **Penulis Pertama** di dalam jurnal berindeks dalam *ISI Web of Science* (calon bidang sains) atau *Scopus* (calon bidang bukan sains) termasuk **satu (1)** penerbitan di dalam **Q1/ Q2 (Journal Citation Report (JCR) dan bukan SCImago Journal Rank (SJR))**.
3. Bidang lantikan adalah terbuka dan perlu bersesuaian dengan penyelia yang telah dikenal pasti mengikut pusat pengajian/ pusat kecemerlangan.
4. Perlu melapor diri selawat-lewatnya pada **1 SEPTEMBER 2022**.
5. Keutamaan adalah kepada calon warganegara Malaysia.

B. KRITERIA PENYELIA

1. Merupakan staf akademik warganegara yang bertaraf tetap dan disahkan di dalam jawatan;
2. Mempunyai merit akademik dan *output* penyelidikan yang baik dalam tiga (3) tahun terkini:
 - a. Sekurang-kurangnya **tiga (3)** penerbitan sebagai **Penulis Pertama/ Corresponding Author** di dalam *ISI Web of Science* (bidang sains) atau *Scopus* (bidang bukan sains) termasuk **satu (1)** penerbitan di dalam **Q1/ Q2**.
3. Melibatkan diri secara berterusan dalam penyelidikan, penerbitan dan penyeliaan;
4. Melibatkan diri secara aktif sebagai penyelidik dalam tempoh lima (5) tahun terkini;
5. Mempunyai geran penyelidikan luar yang aktif sebagai ketua penyelidik dalam tempoh minimum satu (1) tahun pada tarikh permohonan;
6. Mempunyai pengalaman mengijazahkan pelajar PhD sebagai Penyelia Utama (sekurang-kurangnya satu (1) orang pelajar PhD); dan
7. Penyelia yang telah diluluskan Cuti Sabatikal tidak boleh memohon FPD.

C. PELAN PERANCANGAN PENYELIDIKAN

1. Kepentingan penyelidikan kepada bidang penyelidikan sedia ada di USM.
2. Felo Pasca Doktorat tidak akan terlibat dalam membantu pengajaran.
3. Mempunyai kaitan dengan geran penyelidikan penyelia.
4. Keutamaan akan diberikan kepada bidang-bidang di bawah **10-10 Malaysia Science, Technology, Innovation and Economy (MySTIE) Framework**. Sila rujuk lampiran untuk senarai bidang.

D. TEMPOH PELANTIKAN

1. Tempoh pelantikan adalah untuk **satu (1) tahun** dan boleh dipertimbangkan pelantikan semula berdasarkan **pencapaian** FPD.
2. Tempoh **pelantikan maksima** adalah selama **dua (2) tahun** sahaja.

E. FAEDAH & KEMUDAHAN

1. Honorarium **RM5,500.00 sebulan** secara puka (sebelum potongan cukai berjadual atau PCB) di bawah USM;
2. Layak menerima kemudahan perubatan untuk diri sendiri sahaja di Pusat Sejahtera/ Klinik IPPT/ Hospital USM (HUSM) sahaja. FPD perlu menanggung sendiri kos rawatan pemeriksaan bagi rawatan lanjut/ berkala/ susulan;
3. Layak menikmati Cuti Rehat sebanyak **empat belas (14)** hari setahun dan Cuti Sakit adalah sebanyak **tujuh (7)** hari setahun. Tidak layak memohon cuti-cuti lain;
4. Tidak layak perlindungan insurans (FPD dinasihatkan untuk mengambil insurans kesihatan);
5. Tidak layak Award Wang Tunai (AWT);
6. Tiada pembiayaan pengangkutan/penerbangan pergi/balik;
7. Tiada potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
8. Kos kuarantin/ ujian pengesanan (*swab test*)/ perubatan dan lain-lain yang berkaitan COVID-19 yang dikenakan bagi calon yang memasuki Malaysia tidak akan ditanggung oleh Universiti.

F. PETUNJUK PRESTASI UTAMA/ KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)

1. Felo Pasca Doktor (FPD)
 - a. Menghasilkan **tiga (3) penerbitan** sebagai **Penulis Pertama** di dalam jurnal berindeks di dalam ISI Web of Science (calon bidang sains) atau Scopus (calon bidang bukan sains) **sepanjang tempoh pelantikan sebagai FPD** di USM termasuk **dua (2) penerbitan** di dalam **Q1/ Q2** (berdasarkan JCR dan bukan SJR) dalam tempoh satu (1) tahun.
2. Penyelia FPD
 - a. **Penerbitan/ KPI FPD akan diambil kira sebagai KPI tambahan** kepada KPI sedia ada Penyelia yang telah ditetapkan Universiti di bawah kriteria penilaian prestasi staf akademik (M1 – Penyelidikan dan Penerbitan).
3. Pencapaian Petunjuk Prestasi (KPI) adalah kriteria utama penilaian dan pertimbangan bagi permohonan pelantikan semula (sekiranya ada).

G. CARA MEMOHON

1. Permohonan menggunakan borang Felo Pasca Doktor (<http://www.research.usm.my/default.asp?tag=17>)
2. Setiap permohonan lengkap perlu melalui dan mendapatkan **perakuan**:

Pusat Pengajian (PTJ Nyah Pusat)	Pusat Kecemerlangan/ Pusat Penyelidikan (PTJ Tidak Nyah Pusat)
<p>Ketua Jabatan (Dekan); dan Jawatankuasa Kecil PTJ</p> <ul style="list-style-type: none">• <i>Permohonan yang diperakukan sahaja akan dimajukan oleh PTJ ke Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (BPI).</i>• <i>Sebarang pertanyaan mengenai status permohonan adalah melalui PTJ.</i>• <i>Surat Tawaran kepada pemohon yang berjaya dan gagal adalah melalui PTJ.</i>• <i>Sebarang urusan setelah berjaya adalah melalui PTJ.</i>	<p>Pengarah</p> <ul style="list-style-type: none">• <i>Permohonan yang telah diperakukan boleh dikemukakan terus ke Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (BPI) untuk proses selanjutnya.</i>• <i>Sebarang pertanyaan mengenai status permohonan adalah melalui BPI/PTJ.</i>• <i>Surat Tawaran kepada pemohon yang berjaya dan gagal adalah melalui BPI.</i>• <i>Sebarang urusan setelah berjaya adalah melalui BPI.</i>

3. Calon yang berjaya perlu melapor diri selewat-lewatnya pada **1 SEPTEMBER 2022**. Sekiranya gagal melapor diri pada tarikh yang dinyatakan, pemohon dianggap menolak tawaran.
4. PTJ/ Pusat Pengajian/ Pusat Kecemerlangan/ Pusat Perkhidmatan perlu mengemukakan **permohonan lengkap berserta dokumen sokongan** secara **hard-copy** (salinan asal) dan secara **soft-copy** (melalui e-mel) selewat-lewatnya pada **30 JUN 2022** kepada:

**Bahagian Penyelidikan & Inovasi
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang
(U.P: En. Muhammad Syukri Sa'adon)
Emel: fpd@usm.my**


5. Sebarang pertanyaan berkenaan dengan penawaran FPD USM, sila hubungi Cik Nur Alya Safia Ahmad Salihudin/ En. Wan Muhd. Noor W Sulaiman (fpd@usm.my) di talian 04-653 6526/6555.

10-10 MALAYSIA SCIENCE, TECHNOLOGY, INNOVATION AND ECONOMY FRAMEWORK (MySTIE)



Building the Horizontal & Enabling the Vertical in the Ecosystem

MALAYSIAN SOCIO-ECONOMIC DRIVERS



SCIENCE & TECHNOLOGY DRIVERS

- 5G / 6G
- SENSOR TECHNOLOGY
- 4D/5D-PRINTING
- ADVANCED MATERIALS
- ADVANCED INTELLIGENCE SYSTEMS
- CYBER-SECURITY & ENCRYPTION
- AUGMENTED ANALYTICS & DATA DISCOVERY
- BLOCKCHAIN
- NEURO TECHNOLOGY
- BIO SCIENCE TECHNOLOGY

Each Science & Technology Driver should explore core technologies & applications for the 10 Malaysian Socio-economic Drivers

Driving Fundamental & Translational Research

Each Malaysian Socio-economic Driver should explore how the 10 Science & Technology Drivers will value-add and enhance their global competitiveness

© Academy of Sciences Malaysia - Monash University Malaysia 2019

Rujukan:

<https://www.akademisains.gov.my/10-10-mystie/>